



TARIKH	JUMAAT, 08 NOVEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	RM16J GERAN INISIATIF I-CONNECT
M/S	18
BIDANG	MESTECC
KATA KUNCI	RESEARCH GRANT, I-CONNECT

RM16j geran inisiatif I-CONNECT

R&D dengan kerjasama ASM tumpu empat bidang perintis

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim memperuntukkan RM16 juta melalui geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah inisiatif 'Innovation Connect' (I-CONNECT).

Menerusi kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM), R&D di-sasarkan akan memberi tumpuan kepada empat bidang perintis, iaitu Kesihatan dan Kesejahteraan, FinTech dalam Kewangan Islam (Perkhidmatan), Industri 4.0 (Pembuatan) dan Rangkaian Bekalan Halal.

FinTech adalah teknologi untuk memudahkan pengguna melabur, membuat bayaran dan juga mendapatkan pinjaman secara dalam talian.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan



Bee Yin pada Majlis pelancaran I-CONNECT dan Platform Sains Terbuka Malaysia di Putrajaya, semalam.

(Foto Bernama)

Iklim, Yeo Bee Yin berharap inisiatif berkenaan akan membolehkan industri menyumbang dari segi kewangan dan sokongan untuk projek R&D.

"Entiti di bawah I-CONNECT berkhidmat sebagai pengantara inovasi yang akan bekerjasama dalam rangkaian pemain industri, selain merealisasikan kema-

juan industri.

"Kami berharap kerjasama ini yang kita cipta melalui I-CONNECT, boleh membina wawasan yang dipersetujui semua penggiat industri untuk menjayakan empat bidang perintis terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran I-CONNECT dan Platform Sains

Terbuka Malaysia (MOSP), di sini semalam.

Mengenai MOSP, Bee Yin berkata, ia adalah inisiatif fasa pertama yang berkongsi data penyelidikan dan penerbitan di antara lima universiti dan 15 institut serta agensi penyelidikan di bawah kementerianannya.

Beliau menjelaskan, platform

Entiti di bawah I-CONNECT berkhidmat sebagai pengantara inovasi yang akan bekerjasama dalam rangkaian pemain industri, selain merealisasikan kemajuan industri.

Yeo Bee Yin,
Menteri Tenaga, Sains,
Teknologi, Alam Sekitar
dan Perubahan Iklim

berkongsi data akan melengkapkan inisiatif I-CONNECT untuk mewujudkan kerjasama inovasi melalui platform digital terbabit.

"Seperti sekarang, penyelidik buat penyelidikan dan mewujudkan data sendiri, namun mereka tidak tahu ada penyelidik lain sudah membuat penyelidikan terbabit.

DISEDIAKAN OLEH

1-RUDARUL MORHAYA BINTI ISMAIL (N29), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM